

Kebudayaan Islam

Pengaruh Islam Kepada Kesenian di Eropah

(Oleh: Prof. Dr. E.H. Christy)

Sebelum kezahiran Islam, kebudayaan Parsilah yang berpengaruh di negeri Asia Tengah. Pada zaman dahulu hingga hari ini, agama adalah suatu alat yang besar pengaruhnya dalam sejarah perjalanan sesuatu kebudayaan bangsa. Ketika itu yang sedang berkuasa di negeri Parsi ialah raja keturunan Samaniyah dari bangsa Iran.

Perkataan “Iran” berasal dari perkataan “Ariana” yang bererti “negeri orang Aria”. Kerajaan mereka meliputi Turkistan China dan menjadi pusat “*Manichaeism*”.

Manichaeism ialah suatu faham agama yang mengajarkan bahawa dunia ini dijelmakan atas dua dasar. Dasar yang pertama: dasar “kebaikan”. Dalam kebaikan termasuk: Tuhan, jiwa dan cahaya. Dasar yang kedua: dasar “kejahatan”. Yang termasuk dalam dasar kejahatan ialah: syaitan, kebendaan dan kegelapan. Faham ini didirikan oleh seorang yang bernama “Mani”. Ajaran Mani ini berdasarkan ajaran agama Zoroastar dengan bentuk baharu. Dari nama Mani inilah timbulnya “*Manichaeism*”.

Mani yang mendirikan agama ini menurut kepercayaan orang Iran pelukis yang ternama. Oleh kerana pengaruhnya sebagai seorang pelukis maka pengikut-pengikutnya melukiskan buku sucinya dengan tulisan-tulisan dan gambar-gambar yang indah. Hal ini diakui oleh ahli-ahli penyelidik yang menyelidik

buku-bukunya yang telah dijumpai di “Tau Pan” sebuah pekan dalam daerah Turkistan China. Buku-buku ini ditulis dalam kurun yang kedelapan iaitu kira-kira 100 tahun sebelum terdirinya kerajaan Raja-raja Samaniyah. Dengan ini juga menunjukkan bahawa kerajaan Samaniyah telah terdiri pada kira-kira 100 tahun sesudah Islam memancarkan cahayanya.

Sebelum kedatangan Islam, bangunan Kaabah di Mekah dikelilingi oleh beratus-ratus patung yang dijadikan berhala. Adakah patung-patung ini mempunyai erti seni atau tidak, tidaklah kita peroleh keterangan. Akan tetapi, kononnya di dalam Kaabah ketika itu ada sebuah gambar yang indah bagi Nabi Ibrahim pendiri Kaabah itu. harus gambar ini ada mempunyai pengertian kesenian di dalamnya. Akan tetapi Nabi telah memerintahkan menghancurkan segala patung-patung itu termasuk gambar Nabi Ibrahim.

Meskipun pada masa itu sudah ada agama Kristian yang menganjurkan ber-Tuhan satu, akan tetapi kemudian terpaksa mengalah kepada faham-faham agama Zoroastar, yang kemudian dalam kurun yang kedelapan telah dihidupkan oleh Mani dalam bentuk baharu. Oleh kerana agama Zoroastar menggunakan berhala, dan banyak memuja gambar-gambar dan patung, maka agama Kristian rupanya telah terpengaruh kepada ajaran Zoroastar itu. Akhirnya Kristian membuat gambar bagi suatu “Trimurthi” tentang keesaan Tuhan iaitu: “Bapa, anak dan ibu”.

Islam bukan sahaja telah menghapuskan agama Zoroastar akan tetapi menghapuskan faham: “Tuhan bapa, Tuhan anak, dan Tuhan ibu” dan kembali mengajar mengesakan Allah (tauhid), dengan menolak segala sekutu kepada-Nya.

Larangan kepada gambar dan patung yang berbentuk manusia itu, harus timbulnya kerana hendak memelihara faham tauhid yang baharu tumbuh itu. Akan tetapi kalau tidak dikhuatirkan lagi (daripada menjadi syirik – P.), maka pada waktu itu tidak mustahak lagi mengadakan larangan bagi gambar dan patung, sehingga agama tidak keberatan terhadap seni rupa.

Seni adalah didasarkan semata-mata atas keindahan, maka Islam menganjurkan supaya menghidupkan rasa keindahan itu bagi umat Islam. “Tuhan itu indah, dan Ia suka kepada keindahan.”

Pada zaman khalifah-khalifah Bani Umayyiah dan Abbāsiyyah di timur, dan khalifah-khalifah Islam di barat (Sepanyol), mereka hanya menghiasi istananya dengan gambar-gambar bunga-bunga, kadang-kadang ada juga menggambar orang.

Dalam buku “al-ḥarīrī”, seorang ahli bahasa Arab terkemuka dalam kurun masihi yang kesebelas, kita dapati perubahan yang besar tentang gambar seni lukis dan seni pahat. Al- ḥarīrī zahir di Basrah. Bukunya “*Maqāmāt al-ḥarīrī*” sangat masyhur dalam dunia persuratan. Dalam bukunya itu kedapatan cerita-cerita dan syair. Yang menjadi mauduk dan tokoh yang utama dalam bukunya itu ialah seorang yang bernama “Abū Saīd” (Abū Zayd? – P.). Di dalamnya dihidangkan gambar-gambar binatang, dan tumbuh-tumbuhan. Semenjak kurun masihi yang kesepuluh, orang-orang Islam, mulai beransur-ansur menggambarkan orang-orang dan binatang, (kerana kepercayaan tauhid telah sebatikan dan gambar-gambar serta patung-patung tidak dikhuatirkan akan dapat merosakkannya). Pada masa

di berbagai negeri Islam, orang tidak keberatan lagi membuat patung, umpamanya di Mesir, di Turki, di Iraq, bahkan di Indonesia. Seni diciptakan oleh seniman semata-mata untuk seni, untuk keindahan, bukan untuk berhalu.

Sebuah kitab yang masyhur dan penuh dengan gambar-gambar, hasil pengarang Islam yang besar ialah buku “*Shāh-nāmah*”. Kitab ini dikarang oleh “al-Firdawsī”. Al-Firdawsī zahir di bandar Tus di Khurasan dalam tahun 935 M dan wafat pada tahun 1020 M. Perkataan “al-Firdawsī” ialah nama samarannya, sedang namanya yang sebenar ialah Abū al-Qāsim Manṣūr. Kitab *Shāh-nāmah* ini ialah sebuah kitab syair yang indah yang memperikan kebesaran Parsi, yang dihiasi dengan berbagai-bagai gambar pahlawan dan Raja-raja. Tiga puluh tahun lamanya al-Firdawsī mengarang kitab ini dengan perjanjian akan dibayar oleh Raja, Sultan Muhammad. Akan tetapi janji ini tidak ditepati sehingga kemudiannya al-Firdawsī mengarang syair sindiran yang ditujukannya kepada Sultan Muhammad itu. Itulah sebabnya al-Firdawsī terpaksa melarikan diri dari istana dan merantau ke sana sini. Pada ketika ia hampir meninggal dunia, ia telah pulang ke tempat tumpah darahnya lalu meninggal di sana. Salinan yang lengkap bagi kitab “*Shāh-nāmah*” pada hari ini boleh dijumpai dalam bahasa Perancis dan Inggeris.

Shāh-nāmah, sebenarnya ialah disifatkan lebih dari sebuah kitab, ia telah membawa orang memulai menggambar dan memahat. Sampai ke zaman kurun pertengahan, yang menjadi sasaran dari gambaran-gambaran (lukisan-lukisan) Islam itu ialah:

1. Kitab al-Quran dan berbagai-bagai kitab yang penting. Halaman-halamannya mulai dihiasi dengan bunga-bunga dan lukisan-lukisan yang berwarna-warna dan keemasan.
2. Buku-buku sejarah, seperti *Shāh-nāmah*, yang

dihiasi dengan gambar Raja-raja, pahlawan-pahlawan, medan-medan perang, memburu binatang, membunuh naga, dan lukisan-lukisan yang menggambarkan cerita-cerita mengenai kehidupan Nabi Muhammad (SAW), perjuangan pahlawan-pahlawan Islam seperti Saidina Ali dan lain-lainnya.

3. Lukisan cerita-cerita khayal, seperti lima buah buku Roman yang dikarang oleh Nizām dan Jāmi’.
4. Gambar-gambar lukisan tangan merupakan medan perang, masjid-masjid, gunung-ganang dan perjalanan makan angin.
5. Gambar binatang-binatang, burung, kuda, rusa, unta, keldai dan lain-lainnya.
6. Gambar raja-raja yang sedang memerintah, gambar orang-orang berpangkat dan bangsawan, untuk melukiskan pakaian kebesarannya.
7. Kebun, taman, air terjun, gambar-gambar yang ceritanya terdapat dalam Injil dan Taurat, gambaran khayal tentang Nabi naik ke langit.

Daerah-daerah Islam yang dipandang utama menjadi pusat tempat melahirkan berbagai lukisan dan gambar, ialah: Iran, India dan Turki. Adapun orang Cina Islam tetap menggambar dan melukis menurut kebiasaan orang Cina yang lain yang bukan Islam.

Tatkala bangsa Monggol memerintah dunia Islam, maka “Iran” menjadi daerah yang penting, yang banyak menghasilkan seni rupa. Warna biru yang diberikannya pada gambar-gambarnya tidak ada bandingannya. Bagaimana ketinggian “seni rupa” Islam dalam kurun yang kedua belas, dapat kita lihat dalam sebuah naskhah yang bernama “*Citra-citra Bīdāfī*” yang tersimpan dalam “Sekolah Gambar Istanbul”. Buku yang mengandungi gambar-gambar yang masyhur ialah “*Jāmi’ al-Tawārīkh*”, karangan Rashīd al-Dīn – buku ini masih tersimpan dalam “*Royal Asiatic Society*” di London, dan sebuah lagi terdapat di Perpostaint

Universiti Edinburgh buku ini ditulis di Yakasar dalam tahun 1396 M.

Buku-buku bergambar ciptaan orang-orang Islam ini telah menjadi sangat masyhur, kerana pelukis-pelukisnya yang pandai sedia bekerja bagi melukiskan gambar-gambar yang indah pada berbagai-bagai buku cerita. Hal ini disebabkan pemerintah Islam memberikan bayaran yang baik kepada pelukis-pelukis itu. Buku “*Akbar-nāmah*”, karangan Fā’īzī telah dilukis oleh Farrukh Beg dan Nala Damayanti. Selain daripada itu kedapatan pula berbagai-bagai buku dan pelukis-pelukis yang ternama. Pelukis yang paling masyhur ialah Bihzad. Pelukis buku “*Ramz-nāmah*”, dibayar upah melukisnya oleh Sultan dengan wang emas sebanyak 40,000 paun. Berbagai-bagai pelukis yang lain juga mendapat bayaran tidak kurang dari jumlah itu. Hidupnya sesuatu kesenian, bergantung juga atas penghargaan orang kepadanya. Orang Eropah yang kemudian melukis gambar pada buku-bukunya telah mendapatkan pengaruh dari buku-buku Islam.

– Dari “Media”.

* * *

(Dalam keluaran Qalam yang akan datang, akan disiarkan makalah yang bertajuk “Pengaruh Seni Lukis Islam. – P.Q.)

Semasyhur-masyhur Orang Dalam Dunia

“Nabi Muhammad ialah semasyhur-masyhur orang dalam sejarah dunia, kerana jayanya melakukan tiga perkara yang besar dengan sekaligus: ia telah menghidupkan suatu bangsa dan mendirikan sebuah empayar serta mendirikan suatu agama”.

Kata Monsieur Blanchett, ahli pengetahuan Perancis.